

30 JUL 1997

Mahathir-Piagam

MAHATHIR: TAFSIR SEMULA TIDAK LEMAHKAN DEKLARASI HAK ASASI MANUSIA

LANGKAWI, 30 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata gesaan Malaysia supaya ditafsir semula Deklarasi Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tidak akan melemahkan deklarasi itu.

Sebaliknya ia akan membetulkan pendapat yang tidak bersimpati terhadap masalah hak asasi di negara membangun, kata Perdana Menteri.

Ketika mempertahankan pendirian Kuala Lumpur, beliau membidas negara-negara yang mengkritik Malaysia seperti Amerika Syarikat kerana memaksa standard hak asasi mereka terhadap negara lain tetapi buta terhadap kelemahan sendiri.

Berdasarkan senerio itu dan hakikat bahawa Deklarasi Hak Asasi PBB 1948 sudah ketinggalan zaman, beliau berkata "Malaysia akan terus meminta supaya deklarasi itu ditafsir semula."

"Tidak berbangkit soal melemahkannya (Deklarasi Hak Asasi Manusia)," katanya.

Langkah berikut ialah untuk meyakinkan negara-negara lain mengenai perlunya ia ditafsir semula, katanya kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi untuk menghadiri sesi penutup Dialog Antarabangsa Langkawi 1997.

Dr Mahathir mengulas kenyataan Setiausaha Negara Amerika Syarikat Madeleine Albright bahawa Amerika Syarikat akan membantah sebarang percubaan untuk melemahkan deklarasi itu yang beliau dakwa diterima sebagai tanda sejagat bagi perlindungan hak asasi manusia.

Beliau berkata: "Di Amerika Syarikat, orang kulit hitam dan Hispanik tidak dilayan dengan baik, ada di antara mereka yang sangat miskin, mereka tidak mendapat pekerjaan dan walaupun dalam proses undang-undang, ada berat sebelah...jadi di mana kebebasan di Amerika Syarikat."

Dalam menekankan kebebasan individu, Barat lebih rela melihat rakyat kebuluran daripada membenarkan wujud sebuah kerajaan yang stabil.

"Mereka lebih rela melihat kerajaan bertukar, mengadakan demonstrasi di jalan raya dan mogok. Kepada mereka, ia adalah penting, tetapi kepada kita kebajikan rakyat adalah lebih utama," katanya.

Dr Mahathir berkata mereka yang menjejaskan keamanan dan kestabilan di Malaysia dan menyebabkan penderitaan rakyat miskin penduduk, tidak harus terlepas begitu sahaja.

Ketika ditanya bagaimana cadangan Malaysia bagi tafsiran semula berhubung piagam hak asasi manusia itu akan lebih seimbang, Dr Mahathir berkata Malaysia mahu jaminan terhadap kebebasan majoriti dan tidak tertakluk kepada tindakan individu yang menjejaskan kestabilan negara.

"...sedangkan Barat percaya bahawa individu lebih unggul tanpa mengambil kira apa yang berlaku kepada majoriti penduduk...mereka juga tidak boleh berniaga, tidak boleh bekerja kerana disebabkan kebebasan individu," katanya.

Dr Mahathir berkata sama ada Barat menerima atau tidak pandangan Malaysia adalah perkara lain.

Bagaimanapun, di negara seperti Malaysia, di mana kestabilan amat penting, ia juga penting untuk memberi kehidupan yang sempurna kepada rakyat.

Dr Mahathir berkata ada perkara lain dalam hak asasi manusia selain kebebasan individu.

Beliau berkata: "Kita perlu melihat secara keseluruhan...mengenai apa sebenarnya hak asasi manusia."

Setakat ini, katanya, Asean dan China berkongsi pendapat yang sama berhubung tekanan daripada kuasa-kuasa besar ke atas negara-negara membangun sehingga mereka takut untuk menyatakan pendirian mereka.

Itu juga merupakan satu lagi isu hak asasi manusia yang mana kuasa-kuasa besar boleh membuat segalanya, sebaliknya orang yang lemah tidak boleh berbuat apa-apa, katanya.

Berhubung jenis tindakan yang boleh diambil terhadap spekulator berikutan tindakan jutawan Amerika George Soros memanipulasikan mata wang Asean, beliau berkata: "Tindakan apa diambil, dia di Amerika, kita bukan kuasa besar, kalau kita kuasa besar, kita boleh hantar tentera kita ke Amerika, tangkap dia bawa balik dia sini dan pecah dia."

Mengenai pendapat bahawa pasaran tukaran asing adalah satu pasaran bebas dan bagaimana tindakan, jika ada, boleh diambil terhadap spekulator, Dr Mahathir berkata: "Bebas bagi penjenayah, pasaran bebas adalah bagi orang yang menjalankan perniagaan biasa, kita gembira (dengan perkara itu), kita terima kuasa pasaran."

"...tetapi apabila seseorang yang sengaja datang kerana dia kaya dan menjejaskan ekonomi negara, itu bukan kebebasan," katanya.

Ketika ditanya mengenai kenyataan Albright di Singapura bahawa Dr Mahathir mempunyai pendapat yang dinyatakan secara agak keras terutama terhadap Amerika, beliau berkata: "Itu hak dia, saya juga mempunyai hak, memberi pendapatpun dia kata keras." -- BERNAMA

MR AKD